



## **Pinjaman yang meminta deposit adalah penipuan - Polis**

Nurul Hidayah Bahaudin  
[nurul.hidayah@hmetro.com.my](mailto:nurul.hidayah@hmetro.com.my)

Kuala Lumpur: Kes penipuan pinjaman tidak wujud terus mencatatkan peningkatan dengan merekodkan 903 kes membabitkan kerugian lebih RM8.8 juta bagi tempoh Januari hingga April lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman Datuk Mohd Kamarudin Md Din berkata, sebanyak 5,039 kes membabitkan kerugian RM48 juta direkodkan pada 2019.

"Jumlah itu meningkat kepada 5,718 kes dengan kerugian lebih RM62 juta pada 2020, manakala sebanyak 4,784 kes dilaporkan pada tahun lalu membabitkan kerugian kira-kira RM50 juta.

"Bagi tempoh Januari hingga April lalu pula, sebanyak 903 kes penipuan tidak wujud direkodkan dengan kerugian lebih RM8.8 juta," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mohd Kamarudin berkata, hasil analisa dilakukan pihaknya mendapati satu-satunya cara sindiket itu mendapatkan wang mangsa adalah melalui 'wang pendahuluan' yang kononnya perlu dibayar sebelum pinjaman diluluskan.

"Pelbagai alasan digunakan oleh sindiket untuk mendapatkan bayaran pendahuluan itu termasuk kos perundangan, kos perjanjian, kos insurans, kos peningkatan kredit dan sebagainya.

"Hakikatnya, perkara itu adalah bertentangan dengan kaedah pinjaman wang yang dipraktikkan oleh institusi perbankan atau syarikat pinjaman wang berlesen iaitu sebarang wang proses atau yuran perlu dibayar akan dimasukkan sebagai sebahagian dari jumlah pinjaman," katanya.

Beliau berkata, semua pinjaman yang meminta bayaran pendahuluan adalah satu penipuan.

"Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dan tidak terjerumus sebagai mangsa kepada sindiket penipuan pinjaman tidak wujud.

"Sebarang nasihat dan kemusykilan berkaitan jenayah komersial boleh dirujuk kepada CCID Scam Response Center di talian 03-26101559 atau 03-26101599," katanya.

**Disiarkan pada: April 15, 2022 @ 4:54pm**